

KONVOI 100

Edisi 14 November 2024

GRADUAN UiTM BERTARAF DUNIA



Oleh : Mohd Erwannizam Osmand

Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Norashikin yang juga Pro Canselor ketika berittah semasa Sidang kedua Istiadat Konvokesyen UiTM ke 100 di Dewan Agong Tuanku Canselor menzahirkan rasa bangga terhadap UiTM atas pencapaian di peringkat global.

Antara contoh yang sempat baginda kongsikan dalam titah ucapannya termasuklah Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi yang telah melibatkan graduannya dalam United Nation Third Global Pecc Summit serta penyertaan di Sukan Olimpik Paris 2024.

"Graduan Akademi Pengajian Bahasa pula, berpeluang menjalani latihan industri di Kedutaan Perancis, Kuala Lumpur serta mengikuti Program Mobiliti ke Universiti Brunei Darussalam. Manakala, graduan Fakulti Pendidikan berpeluang membentangkan hasil kajian mereka di Konferensi ASEAN Council of Physical Education and Sports di Universiti Mahasarakham, Thailand" katanya.

Tengku Norashikin menyampaikan titah ucapan dalam sidang yang menyaksikan graduan dari Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Kepakaran Klinikal, Sarjana Muda dan diploma seramai 922 graduan daripada pelbagai bidang.

Baginda berbesar hati mengucapkan tahniah kepada para graduan dengan jumlah purata graduan yang tamat pengajian dalam tempoh secara puratanya sebanyak 90 peratus.

Dengan pencapaian yang diperoleh ini menunjukkan UiTM masih relevan sebagai salah sebuah universiti yang berkualiti dan kalis masa depan yang semakin mencabar.





IPSIK PASTIKAN KUALITI BERTERUSAN



Oleh : Mohd Erwannizam Osmand

Universiti Teknologi MARA, UiTM terus membuktikan kemampuan sebagai antara universiti pilihan khususnya bumiputera di negara ini termasuk program pasca siswazah.

Bagi memastikan reputasi UiTM terus meningkat, Institut Pengajian Siswazah, IPSik sentiasa menekankan kualiti di UiTM tidak terjejas yang turut dibantu dengan kerjasama fakulti-fakulti dan kampus-kampus dalam UiTM.

Seramai lebih 5000 pelajar dari pelbagai latar belakang dan universiti telah menyambung belajar ke peringkat pasca siswazah dalam pelbagai bidang setakat ini.

Menurut Dekan IPSik, Professor Ir Dr Zuhaina Haji Zakaria penambahbaikan sentiasa dititikberatkan bagi memastikan graduan yang dikeluarkan menepati ciri-ciri seorang 'sarjana' yang dikehendaki.

"Kepakaran, kepelbagaiannya program yang ditawarkan serta kemudahan akses ke cawangan lain yang berdekatan kepada penuntut menjadi sebab utama untuk ramai yang menyambung belajar ke peringkat pasca siswazah di UiTM", kata Prof. Ir Dr Zuhaina.

Selain daripada itu juga pelajar program pasca siswazah ini juga turut dapat menikmati kemudahan lain dalam UiTM ini seperti penggunaan peralatan sukan serta kemudahan lain seperti bas dan akses untuk thesis.

Dengan kepelbagaiannya manfaat tersebut ramai alumni dari uitm dan pelajar dari universiti lain juga tidak melepaskan peluang untuk menuntut di sini.

IPSiK sangat menggalakkan lebih ramai lagi yang menyambung pelajaran ke peringkat tinggi dan mengalau-alukan sesiapa sahaja untuk menyambung belajar di UiTM kerana banyak inisiatif serta manfaat yang telah diberikan oleh UiTM.

Dalam Istiadat Konvokesyen ke 100 kali ini menyaksikan seramai 932 menerima ijazah Doktor Falsafah Ijazah Sarjana yang disempurnakan penyampaiannya oleh Tuanku Pro Canselor, Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin.

LEGASI TUN ARSHAD AYUB TERUS MEKAR BERSAMA RANIA



Oleh : Maria Madelina Kiri

Nama Allahyarham Tun Arshad Ayub tidak perlu diperkenalkan lagi dalam Universiti Teknologi MARA, UiTM.

Allahyarham merupakan arkitek pembangunan UiTM terutama ketika ia dikenali sebagai Institut Teknologi MARA malahan Allahyarham juga dikenali dengan jolokan "Bapa ITM".

Namun siapa sangka, Istiadat Konvokesyen ke 100 kali ini, cucu Allahyarham pula antara yang menaiki pentas konvokesyen bagi menerima skrol setelah menamatkan pengajian dengan jayanya.

Tambah manis, Rania Farzana Azmi merupakan salah seorang graduan cemerlang bagi Fakulti Sains Kesihatan dalam Sarjana Muda Teknologi Makmal Perubatan.

Rania turut berkongsi keperibadian arwah Tun Arshad yang banyak memberikan sokongan dan motivasi kepadanya termasuklah sentiasa mengambil berat tentang cucunya.

"Semasa saya di semester akhir pengajian, ianya sukar bagi saya apabila insan yang selalu saya hubungi untuk bertanya khabar sudah tiada. Arwah biasanya akan hubungi atau whatsapp saya untuk bertanya sama ada saya okay atau tidak," katanya.

Tambah Rania lagi, Allahyarham datuknya juga adalah penyebab hubungan keluarganya menjadi sangat rapat justeru ketiadaan Allahyarham pastinya amat memberikan kesan buat beliau namun dalam masa yang semangat keperibadian Allahyarham menjadi pencetus untuk Rania berjaya dalam pengajian.

Tidak cukup dengan pemergian Allahyarham Tun Arshad, Rania diuji pula dengan kehilangan ibunya, Zarina Abdul Halim yang meninggal dunia semasa Rania di semester akhir pengajian.

"Saya masih ingat lagi masa saya suapkan dia yogurt untuk kali terakhir. Biasanya dia tak habis makan. Tapi kali itu dia habis makan yogurt.

"Saya bersyukur saya ada seorang ibu yang sangat rapat dengan saya, boleh kira macam bestie. Senang berkongsi cerita. Apabila dia sudah tiada, ianya sangat sukar bagi saya," jelasnya.

Meskipun sedih memandangkan kedua-dua arwah tiada di sisi untuk meraikan kejayaan ini, semangat cekal gadis pintar itu jelas terpancar di wajahnya apabila menjadikan saat indah ini sebagai pemangkin semangat untuk terus berbakti kepada masyarakat dalam bidang perubatan ini.



AMBIL LAH SKROL NI, MAK PUNYA”



Oleh : Annisa' Azlan



Tanpa restu seorang ibu, mampukah seorang graduan untuk berjaya? Demikianlah perjalanan hidup seorang graduan cemerlang yang telah dianugerahkan skrol Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan dalam Istiadat Konvokesyen UiTM yang ke-100.

Dengan mata yang berkaca, Dr. Muhammad Adli Syahmi Ashraf Alisha, 25 tahun meluahkan rasa syukur tak terhingga terhadap kejayaan yang telah dikecapinya pada waktu ini. Lebih-lebih lagi ianya merupakan hasil dorongan dan sokongan ibunya yang menjadi inspirasi utama untuk terus bertahan dalam usaha mencapai impian.

“Mak dan kakak saya yang paling banyak berkorban untuk saya, dan saya banyak sangat terhutang budi pada mereka. Kejayaan ni bukanlah kejayaan saya seorang, tapi ni adalah kejayaan mereka juga. Saya buat semua ni untuk mak saya, mak lah punca saya dapat semua ni,” luah doktor muda tersebut.

Kata penerima Anugerah Naib Canselor itu, mengharungi pengajian perubatan bukanlah sesuatu yang mudah. Dr. Adli berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk jadual kelas yang padat dan tekanan mencabar mental.

Tambah Adli, menjadi seorang doktor bukanlah cita-citanya tetapi ini merupakan cita-cita

ibunya, memandangkan Adli adalah doktor yang pertama dalam keluarga, manakala kakak serta abangnya yang lain adalah seorang ahli farmasi dan jururawat.

“Ayah saya seorang kapten kapal, jarang ada kat rumah. Jadi mak la yang menjaga kebaikan dan menggembirakan kami, sentiasa cuba memahami kami tanpa menghakimi. Mak lah tempat saya mengadu, mak akan cuba juga beri apa sahaja yang dia boleh untuk membantu saya sepanjang 5 tahun belajar,” luah Adli sambil menggesa air mata.

Namun siapa sangka berkat kecekalannya, beliau bukan sahaja mampu menamatkan pengajian malahan bertemu jodoh dengan isterinya Siti Nursabrina.

Tambah menarik, pasangan bahagia ini sama-sama menaiki pentas untuk menerima skrol dalam sidang ketiga. Pasangan doktor muda tersebut mempunyai pendapat yang sama terhadap bonda mereka yang menjaganya seperti anak kandung sendiri dan tidak lupa untuk menyiapkan bekal setiap kali suami isteri tersebut pergi bekerja dan pulang ke rumah.

“Suami saya selalu meletakkan ibunya sebagai nombor satu dalam hidupnya. Saya akui bahawa mak banyak berkorban untuk anak-anaknya termasuk saya. Mak juga saya yang mengandung ni dengan baik, tambah pula jadual saya dan suami sangat padat. Jadi, mak lah yang selalu masak untuk kami supaya kami lebih terja.” kata Sabrina.





100% GRADUANKU !!!



Oleh: Farhana Ariysya Muhammad Salmizam

Fakulti Perubatan UiTM membuktikan kemampuan tersendiri dengan terus mengekalkan kadar 100% kebolehpasaran dan pekerjaan sekaligus menjadikannya sebagai salah satu fakulti yang unik di Malaysia.

Menurut Dekan Fakulti Perubatan, Prof. Dr. Fazah Akhtar Hanapiyah, salah satu keistimewaan fakulti ini adalah kebolehpasaran graduannya yang mencapai 100% bukan sahaja kerana kualiti pendidikan yang diberikan, tetapi juga disebabkan oleh peraturan negara yang mewajibkan setiap graduan perubatan untuk menjalani latihan praktikal, dikenali sebagai housemanship, sekurang-kurangnya selama dua tahun.

"Housemanship ini merupakan syarat wajib untuk mendapatkan lesen penuh daripada

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Dengan ini, graduan kami boleh dikatakan 100% mendapat pekerjaan dalam sektor kesihatan," ujar Prof. Dr. Fazah. Namun, di sebalik kejayaan ini, Prof. Dr. Fazah turut mengakui bahawa terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh fakulti dan pelajar. Antara cabaran utama adalah dari segi tenaga pengajar dan proses pembelajaran klinikal.

"Di fakulti perubatan, kita perlu memastikan tenaga pengajar bukan sahaja berkelayakan, tetapi juga mempunyai pengalaman praktikal dalam bidang perubatan. Kami memerlukan pengajar yang masih aktif dalam industri, kerana pengajaran perubatan memerlukan pengalaman langsung dari dunia hospital. Oleh itu, semua tenaga pengajar klinikal kami mesti berkhidmat sepenuh masa di hospital sambil mengajar," katanya.

Selain itu, Prof. Dr. Fazah turut menekankan bahawa proses pembelajaran klinikal yang melibatkan pelajar tahun tiga, empat dan lima juga menjadi cabaran tersendiri. Pelajar-pelajar ini perlu menjalani latihan praktikal di hospital yang memerlukan pengagihan sumber yang mencukupi.

Fakulti Perubatan UiTM terus mencatatkan kejayaan dalam melahirkan graduan berkualiti yang mampu memenuhi keperluan industri kesihatan negara. Dengan dasar yang kukuh dan dedikasi tenaga pengajarnya, UiTM terus menyediakan platform yang baik untuk para pelajarnya menempuh cabaran dunia perubatan dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

Syabas Fakulti Perubatan!

CONVO

Universiti Teknologi MARA

13 NOVEMBER - 26 NOVEMBER 2018



-LENSA CONVO 100-